



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 2

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

Sebagaimana pada 1 Jun 2013

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

Tarikh Perkenan Diraja 15 Februari 1969

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 27 Februari 1969

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1992

Cetakan Semula Yang Kedua 1999

Cetakan Semula Yang Ketiga 2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 2

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Fungsi dan nama jawatan Menteri
3. Natijah pemindahan fungsi dan perubahan nama jawatan
4. Rujukan dalam undang-undang bertulis
5. Pemansuhan dan kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 2

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk mengisytiharkan fungsi dan pemindahan fungsi Menteri, untuk menetapkan nama jawatan Menteri, dan bagi maksud yang berkenaan dan berhubungan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—27 Februari 1969*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969.

Fungsi dan nama jawatan Menteri

2. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah dalam *Warta* memberitahu—

- (a) bahawa seseorang Menteri telah diberi apa-apa fungsi atau telah dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab mengenai sesuatu jabatan atau perkara yang tertentu atau bahawa sesuatu fungsi atau tanggungjawab yang tersebut itu telah dipindahkan kepada seorang Menteri yang lain;
- (b) bahawa suatu nama jawatan telah diberikan kepada seseorang Menteri (kecuali Perdana Menteri) atau bahawa nama jawatan yang tersebut itu telah diubah.

- (2) Sesuatu perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mengadakan peruntukan mengenai pemindahan apa-apa harta, hak atau tanggungan yang dipegang,

dinikmati atau dilakukan oleh mana-mana Menteri berhubung dengan apa-apa fungsi yang diberikan atau dipindahkan itu; dan

- (b) boleh mengandungi apa-apa peruntukan lain yang perlu dan suai manfaat untuk memberi kesan kepada perintah itu.

Natijah pemindahan fungsi dan perubahan nama jawatan

3. Jika sesuatu perintah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 2 sesuatu yang dimulakan, atau yang dibuat sebelum perintah itu mula berkuat kuasa oleh atau di bawah kuasa Menteri yang fungsi dan tanggungjawabnya telah dipindahkan atau yang nama jawatannya itu diubah boleh diteruskan atau diselesaikan oleh Menteri itu.

Rujukan dalam undang-undang bertulis

4. Apa-apa rujukan dalam sesuatu undang-undang bertulis atau sesuatu surat cara, kontrak atau pembicaraan di sisi undang-undang terhadap seseorang Menteri mengikut nama jawatannya melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain hendaklah diertikan sebagai suatu rujukan terhadap Menteri yang pada masa itu diberi fungsi atau dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab tersebut atau terhadap Menteri yang pada masa itu diberi nama jawatan tersebut.

Pemansuhan dan kecualian

5. Ordinan (Memindahkan Fungsi) Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 1951 [*No. 15 tahun 1951*] dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa perintah yang dibuat di bawah Ordinan itu atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pemindahan fungsi seorang Menteri atau pegawai awam yang berkuat kuasa sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa, dan boleh dipinda atau dibatalkan dengan sewajarnya.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 2****AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang
meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa dari

– TIADA –

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 2****AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

—TIADA—
